

**SOALAN NO. 28****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL  
LEIKING [ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 14 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jika Artikel 8 Perjanjian Malaysia 1963 boleh dilaksanakan oleh Kerajaan melalui pembentangan di sidang Parlimen ini supaya terma-terma kandungan Perjanjian Malaysia 1963 dan Lampiran seperti Inter Governmental Report (IGC) boleh dilaksanakan dengan sepenuhnya "on a Once and For all Basis".

51

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses pelaksanaan *empowerment* dan *devolution of authority* merupakan suatu proses yang berterusan (*ongoing*) dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan termasuk mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 dan Inter Governmental Report (IGC) sedang dijalankan dan belum dimuktamadkan. Oleh itu, butiran terperinci mengenai mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan belum boleh didedahkan kepada umum memandangkan status mesyuarat tersebut bertaraf Rahsia.

Kedua-dua proses penurunan kuasa melalui *empowerment* dan *devolution of authority* yang sedang dilaksanakan ini membuktikan keseriusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi isu yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.